

Laura turut raih emas di Shenzhen

2.4.2013 UB A16
Oleh **DESMOND QWEK**
komaqwek2k5@gmail.com

KOTA KINABALU: Lawan pedang terus mengibarkan bendera Sabah di China dengan meraih pingat emas kedua pada Kejohanan Lawan Pedang Shenzhen Terbuka 2013 yang berlangsung masuk hari terakhir hari ini.

Pelajar tahun satu Universiti Malaysia Sabah, Laura Simon mengotakan azam beliau dengan menjuarai acara Epee Individu Wanita di kejohanan itu kelmarin.

Pencapaian tersebut sudah pasti menyerikan lagi kejayaan pelatih kebangsaan Sabah, Adam Nicholas Lindbichler yang melakar sejarah menjadi atlet lawan pedang Sabah yang pertama memenangi pingat emas di kejohanan antarabangsa pada Sabtu.

Aksi perlawanan akhir menyaksikan Laura

meneruskan pelatih Institut Sukan Hong Kong, Lao Jia Yao menerusi keputusan sengit yang berkesudahan dengan 15-9.

Dalam pada itu, kejayaan pasukan Sabah pada kejohanan itu turut dihiasi dengan satu pingat gangsa yang diperolehi melalui Lim Yin Yin, juga menerusi acara Epee Individu Wanita.

Naib presiden Persekutuan Lawan Pedang Malaysia (MFF) yang juga selaku presiden Persatuan Lawan Pedang Negeri Sabah (SFA) Alex Sham yang diundang khas ke Shenzhen selepas kejayaan Adam menyampaikan medal kemenangan kepada Laura dan Yin Yin.

Kejohanan tersebut yang melibatkan lebih 1,000 peserta dari sekitar benua Asia bakal menyaksikan pertandingan bagi acara berpasukan berlangsung hari ini.



LAURA Simon (tengah) dan Lim Yin Yin (dua kiri) merai kejayaan di atas podium selepas menerima hadiah daripada Alex Sham (kanan) menerusi kejayaan mereka dalam acara Epee Individu Wanita pada Kejohanan Lawan Pedang Shenzhen Terbuka 2013 di China kelmarin.